

LBS UMUM KOLABORASI TAHUN BAHARU BERSAMA GOODNITE MENERUSI PROGRAM KESETIAAN PELANGGAN

Petaling Jaya, 3 Januari 2023 - LBS Bina Group Berhad ("LBS" atau "Kumpulan") dan Goodnite telah menjalin kerjasama melalui program kesetiaan pelanggan **'Ubah suai rumah LBS bersama Goodnite'** di mana pemilik kediaman LBS secara eksklusifnya bakal berpeluang untuk memenangi ubah suai rumah bersama Goodnite bernilai RM150,000.

'Ubah suai rumah LBS bersama Goodnite' terbuka kepada semua pembeli rumah LBS dan pemenang bertuah berpeluang untuk mengubahsuai dengan pilihan reka bentuk ruang tamu sehingga ke set bilik tidur yang dianggarkan bernilai RM25,000.

Goodnite International Sdn Bhd, atau lebih dikenali sebagai Goodnite Group, merupakan syarikat ternama yang terlibat di dalam pembuatan, perusahaan dan pengedaran produk barangan kelengkapan bilik tidur dan perabot dengan 23 cawangan di seluruh Malaysia yang menawarkan pelbagai barangan perabot kediaman seperti sofa, set meja makan dan aksesori berkaitan.

'Memiliki sebuah rumah merupakan satu pencapaian yang menakjubkan tetapi kami faham bahawa terdapat banyak lagi langkah-langkah yang perlu diambil selepas mendapat kunci rumah idaman. Sebahagian besar daripada simpanan kita kemudiannya perlu digunakan untuk menghias dan mengubah suai rumah. Berpindah ke rumah baharu boleh menjadi salah satu titik kegembiraan, namun ianya boleh juga menimbulkan perkara-perkara yang tidak dijangka seperti kos dan idea untuk menghias rumah baharu. Selama bertahun-tahun, LBS telah memperkenalkan pelbagai pakej kelengkapan rumah yang menawarkan pengalaman yang mudah, tanpa kerumitan dan mesra dompet.'

'Walau bagaimanapun, melalui kerjasama strategik ini, kita berpeluang untuk melihat pemilik rumah LBS bertuah mengubah suai rumah mereka, bahkan memilih ruang atau bahagian rumah yang difikirkan sesuai untuk mendapat sentuhan ubah suai serta penataan perabot yang bersesuaian', ujar Tan Sri Lim Hock San, Pengerusi Eksekutif Kumpulan LBS Bina.

Semua pemilik rumah di projek-projek LBS secara automatiknya layak untuk menyertai kempen ubah suai ini. Untuk terpilih sebagai pemenang bertuah, pemilik rumah LBS hanya perlu mengambil gambar ruang tamu, ruang makan atau bilik tidur yang difikirkan perlu pengubahsuaian, dan muat naik gambar tersebut ke homemakeover.lbs.com.my, melengkapkan slogan dan ikuti serta klik 'suka' di platform laman media sosial, Facebook dan Instagram LBS. Tempoh peraduan akan berlangsung dari 3hb Januari sehingga 30hb April 2023.

-Tamat-